

SENTRA 06/04/10

## MPK anjur Karnival Klang 2010 di Laguna Park

**K**LANG: Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan kerjasama Central Spectrum Sdn Bhd akan menganjurkan Karnival Klang 2010 bermula dari 10 April hingga 11 April ini di Laguna Park, Pulau Indah, di sini.

Karnival itu adalah bagi mengeratkan hubungan masyarakat dan MPK selain menghiburkan dan memperkenalkan kepada masyarakat sekitar kewujudan Laguna Park yang berada di bawah pentadbiran MPK.

Pelbagai acara menarik dan aktiviti bakal berlangsung sudah disediakan untuk pengunjung karnival dan perasmian penutup akan disempurnakan oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pengarah Komunikasi & Pengaduan Awam MPK, Nor Fiza Mahfiz, berkata karnival itu akan bermula pada jam 5 petang, 10 April ini di Pier 2, Laguna Park.

"Karnival yang berlangsung selama dua hari dan hari kedua karnival berkenaan akan bermula pada jam 8.30 pagi hingga 6 petang dengan menawarkan pelbagai acara yang pasti menggamit perhatian warga Klang," katanya dalam satu kenyataan kepada Sentral.

Nor Fiza berkata, antara acara bakal memeriahkan karnival itu adalah pameran dan jualan pelbagai barangan, pertandingan sepak takraw terbuka, pertandingan kumpulan muzik, pertandingan bola jaring, pertandingan shuffle, pameran automotif, pertandingan masakan dan gubahan, pertandingan karaoke, pertandingan tarik tali, pertandingan wau dan layang-layang serta cabutan bertuah.

Katanya, semua acara itu bersesuaian dengan pelbagai golongan masyarakat yang bakal berkunjung ke karnival berkenaan.

"MPK menjemput kehadiran semua pihak yang berminat terutama warga Klang yang berbakat untuk berkongsi kemahiran dalam setiap pertandingan yang dianjurkan.

"Menariknya pada 11 April nanti, satu acara senamrobik dan tarlan poco-poco bersa-

Klan